



**NIK** Abdul Nik Abdul Aziz dan abangnya, Nik Omar bergambar bersama Anwar Ibrahim serta isteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail di Kota Bharu, baru-baru ini. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

## Hanya pertemuan biasa, tiada kaitan politik - Nik Abdul

**KOTA BHARU:** Bekas Ahli Parlimen Bachok, Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz menegaskan pertemuannya dengan Perdana Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam hanya perjumpaan biasa dan tidak mempunyai hubung kait dengan politik.

Nik Mohamad Abdul berkata, hasrat bertemu pemimpin nombor satu negara itu dinyatakan melalui seorang kenalan sebelum Ramadan namun tidak dapat direalisasikan kerana jadual Perdana Menteri terlalu ketat.

Menurutnya, peluang tersebut muncul apabila Perdana Menteri ke negeri ini untuk merasmikan sambutan Rumah Terbuka Malaysia Madani di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV di sini.

"Semasa menjadi ahli Parlimen saya selalu selalu jumpa dengan beliau (Anwar) di Dewan Rakyat. Namun sejak beliau menjadi Perdana Menteri saya tidak lagi bertemu dengan beliau.

"Saya bertemu dengan beliau selepas selesai menunaikan solat maghrib. Pada pertemuan itu, saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan mendoakan semoga Datuk Seri dapat jalankan tugas dengan baik sebagai Perdana Menteri," katanya ketika ditemui pemberita selepas menunaikan solat asar di Masjid Pulau Melaka di sini

Nik Abdul memberitahu, pada pertemuan tersebut beliau turut membawa 'amanah orang' untuk disampaikan kepada Perdana Menteri.

Katanya, beliau bertuah dapat bertemu dengan Anwar selepas dilantik sebagai Perdana Menteri.

Mengulas pertemuan dengan abang beliau, Nik Omar semasa berjumpa Anwar, Nik Abdul menyifatkan perjumpaan tersebut secara kebetulan.

"Dia (Nik Omar) datang nak jumpa Perdana Menteri. Saya sudah menjangkakan gambar pertemuan itu akan tular kerana ramai yang mengambilnya," katanya.

Terdahulu, *Utusan Online* melaporkan, tular poster anak Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nik Mohamad Abdul sebagai calon Menteri Besar Kelantan mewakili Kerajaan Perpaduan menjelang pilihan raya negeri (PRN) akan datang.

Selain itu, nama bekas Ahli Parlimen Bachok itu yang digugurkan Pas pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) turut menguatkan spekulasi tersebut menuju persiapan PRN.

Dalam poster itu, tertera tulisan 'Nik Abdul Nik Aziz calon Menteri Besar Kelantan' dan 'Kelantan Membangun Bersama Perpaduan' selain terdapat logo Pakatan Harapan (PH) serta Barisan Nasional.